

06/08/1999

Persamaan parti jamin pembangunan

Misiah Taib; Amirullah Andi Nur

MIRI, Khamis - Persamaan parti yang memerintah di peringkat Pusat dan negeri amat penting bagi menjamin rakyat terus menikmati pembangunan dan kemakmuran yang mereka kecapai selama ini.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata kerana kerajaan Barisan Nasional (BN) memerintah di peringkat Pusat, adalah penting sekali ia akan terus menjadi kerajaan di peringkat negeri, termasuk di Sarawak.

Dengan itu, katanya, kerjasama yang rapat dapat diwujudkan antara kedua-dua peringkat supaya rakyat mendapat faedah.

"Ini kerana Kerajaan Pusat membekalkan peruntukan untuk pembangunan bagi membantu kerajaan Sarawak membangunkan negeri ini," katanya berucap melancarkan projek perumahan kos sederhana/rendah dan Bandar Baru Permyjaya, kira-kira 15 kilometer dari sini, petang ini.

Hadir sama ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Ketua Menteri, Tan Sri Abdul Taib Mahmud dan isteri; serta beberapa menteri Kabinet Persekutuan dan negeri.

Dr Mahathir berkata, kerajaan BN di peringkat Pusat dan negeri sentiasa memikirkan mengenai nasib rakyat seperti membina lebih banyak rumah kos rendah, terutama untuk memastikan golongan berpendapatan rendah memiliki rumah sendiri.

"Ini diperkuatkan lagi apabila kita menghadapi kegawatan ekonomi. Sebenarnya kegawatan ekonomi akan melambatkan proses pembangunan rumah ini, tetapi kita dapati kalau kita tidak bangunkan rumah, bukan saja rakyat tidak dapat memiliki rumah yang sempurna, malah industri perumahan turut terjejas," katanya.

Beliau berkata, kerajaan BN mempunyai rancangan besar untuk membina ratusan ribu rumah kos rendah di seluruh negara dan akan terus memberi keutamaan kepada golongan yang tidak mampu.

Dr Mahathir berkata, semua itu dilakukan kerana kerajaan BN mahu melihat rakyat Malaysia hidup sempurna dengan segala kemudahan.

Mengenai kemajuan Sarawak, beliau berkata, sejak merdeka, kemajuan yang dicapai negeri ini amat mengagumkan.

"Kalau dulu, kita dapati jalannya tidak seperti sekarang, bekalan elektrik dan air berkurangan dan perumahan juga tidak begitu sempurna. Semakin lama, semakin banyak pembangunan di Sarawak dengan bandar baru dan besar bertambah.

"Ini termasuklah bandar Miri yang dulu hanya mempunyai 50,000 penduduk, tetapi kini mempunyai lebih 200,000 penduduk," katanya.

Di majlis itu, Perdana Menteri turut menyampaikan replika kunci kepada lima pemilik rumah kos rendah dan surat tawaran kepada 20 pemohon baru untuk rumah kos rendah di bandar baru itu.

(END)